



#### Tan Sri Syed Jalaludin Tokoh Anugerah Akademik Negara 2007



Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim menerima piala Tokoh Akademik Negara 2007 daripada Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

**PUTRAJAYA, 25 Julai** – Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Syed Jalaludin Syed Salim dinobatkan sebagai Tokoh Akademik Negara 2007 kerana sumbangan besarnya dalam pembangunan pendidikan dan penyelidikan modal insan negara dalam bidang sains, teknologi dan kemanusiaan.

Dr. Syed Jalaludin, 64, yang menerima Anugerah Tokoh Akademik Negara berkata kejayaannya membuktikan bahawa orang biasa sepertinya boleh berjaya kerana beliau bukan cendekiawan luar biasa.

"Kejayaan seseorang ahli akademik bukan sahaja dalam bidang pendidikan tetapi juga dalam bidang penyelidikan," katanya selepas menerima anugerah yang disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini.

Beliau berkata anugerah itu menguatkan lagi semangatnya untuk membawa UPM diiktiraf dalam bidang penyelidikan serta memastikan penyelidikan itu berimpak besar kepada ekonomi negara.

Setelah menamatkan perkhidmatan dengan UPM, Dr. Syed Jalaludin memegang jawatan Pengerusi Bank Kerjasama Rakyat Malaysia dan yang terkini Pengerusi Perbadanan Kemajuan Industri Halal dan Pengerusi Lembaga Pengarah UPM.

Beliau juga mencetus idea membentuk modul pengurusan penyelidikan dan pembangunan di bawah program Intensification of Research in Priority Areas (IRPA) sepanjang Rancangan Malaysia Kelima hingga Kesembilan.

Sementara itu kajian selama lapan tahun untuk menghasilkan bahan rawatan benih padi bagi menggalakkan pertumbuhan anak padi dikenali ZAPPA oleh, Prof. Madya Dr. Syed Omar Syed Rastan dari UPM ternyata tidak sia-sia apabila diumumkan penerima Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk.

Beliau yang juga Timbalan Dekan (Pembangunan & Khidmat Profesional) Fakulti Pertanian UPM dipilih sebagai penerima anugerah kerana kejayaannya mencipta teknologi pertama dunia untuk rendaman benih padi.

Dr. Syed Omar, 48, berpuas hati apabila kajian yang dihasilkannya dapat membantu petani meningkatkan hasil padi walaupun satu ketika dulu percubaan pertamanya dipandang rendah oleh pesawah.

ZAPPA merupakan teknologi pertama di dunia untuk rendaman benih padi yang dipatenkan dan mendapat Anugerah Rekapipta dan Inovasi 2002 daripada MOSTE dan merangkul anugerah antarabangsa di Geneva, Switzerland pada tahun 2004.

Produk itu telah dikomersialkan dan berjaya memperolehi kontrak dan jualan bernilai RM7.4 juta di pasaran dalam dan luar Negara dengan pendapatan royalti 2% kepada UPM.

Terdahulu, Datuk Seri Abdullah dalam ucapan perasmianya mahu universiti tempatan meninggalkan prestasi dan kecemerlangan dalam pelbagai bidang termasuk Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).

"Adalah penting bagi kita semua termasuk golongan professional seperti Naib Canselor, saya sendiri, mesti ada sikap untuk menambah nilai kepada diri dan organisasi yang dipimpin," katanya.

Sewaktu beliau melawat pameran Intitusi Pengajian Tinggi Tempatan dan Swasta, Perdana Menteri meluangkan masa yang lebih lama di bilik pameran UPM kerana tertarik dengan penerangan oleh Dr. Syed Omar dan Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

Anugerah Akademik Negara diberi sebagai pengiktirafan kerajaan yang tertinggi bagi penerangan universiti/kolej universiti yang telah mengharumkan nama Negara di persada kebangsaan dan antarabangsa.

Kategori lain dalam anugerah yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) ialah Anugerah Makalah Jurnal, Anugerah Penerbitan Buku dan Anugerah Seni dan Kreativiti.



Prof. Madya Dr. Syed Omar Syed Rastan menerangkan kajiannya kepada Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Oleh Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat.